

Karangan Deskriptif 7

Kamu telah melakukan sesuatu yang dianggap sangat mulia oleh keluarga kamu. Gambarkan peristiwa itu dan perasaan kamu terhadap peristiwa itu. [Incident]

Introduction

Fly on a Wall

- Suspense Element

Incident

Seorang wanita yang sedang mengandung dua bulan melangkah keluar dengan perlahan dari bilik doktor pakar di Hospital Mount Alvernia. Wajahnya muram sekali. Di belakang wanita itu kelihatan suaminya yang diiringi oleh doktor pakar yang bertugas. Doktor pakar itu menjabat tangan si Suami dan menepuk bahunya beberapa kali sambil menguntumkan senyuman – seolah-olah memberikan perangsang supaya pasangan itu bersabar dan berlapang dada untuk memilih jalan yang terbaik dalam mengharungi badai yang menghempas bahtera perkahwinan mereka. Si Suami hanya mampu menguntumkan senyuman tawar kembali. Dengan perlahan pasangan itu berjalan mencari ruang kosong untuk mereka duduk seketika sebelum berangkat meninggalkan hospital itu. Beban berita yang baru disampaikan oleh doktor pakar itu terlalu berat untuk mereka pikul pulang. Ada beberapa tindakan yang boleh mereka ambil untuk mengurangkan bebanan tersebut. Apa-apapun keputusan mereka, persoalan yang pertama dan utama adalah adakah si Isteri akan meneruskan kehamilannya. Si Suami terus menunjukkan riak wajah yang tenang supaya tidak kelihatan oleh si Isteri akan tekanan yang dihadapinya. Bagi si Suami, penting sekali untuk si Isteri mempunyai perasaan yang dia tidak persalahkan dalam hal ini dan si Suami tidak akan meninggalkannya. Bagi si Isteri pula, ingin sekali dia supaya kandungannya dipisahkan jauh sekali daripadanya. Dia tidak redha yang makhluk di dalam tubuhnya itu mengambil manfaat daripadanya untuk membesar. Dia tidak menghalalkannya. Malangnya, suaminya membuat keputusan untuknya meneruskan kehamilannya. Dia cuba membantah dengan memberikan pelbagai alasan dan andaian. Namun, si Suami tetap dengan pendiriannya. Keputusannya adalah muktamad [INCIDENT].

Presenting the Incident

- Unravelling the Mystery
- Background Information

Si Suami itu adalah aku dan aku baru sahaja mendapat berita yang hampir-hampir sahaja menyentap jantungku daripada pembuluh darahnya – bayi dalam kandungan isteriku bukan anakku sebenarnya. Hasil ujian darah yang dijalankan oleh seorang doktor pakar di Hospital Mount Alvernia mengesahkan kedudukan perkara [INCIDENT]. [Start background] Dua bulan yang lalu, berita tentang kehamilan isteri merupakan suatu berita gembira yang tidak disangka-sangkakan. Berita tersebut membawa sinar harapan dalam kehidupan keluargaku. Manakan tidak. Pada awalnya, pihak doktor yang merawatku untuk penyakit saraf yang aku alami menyatakan yang aku mungkin tidak akan mendapatkan zuriat lagi. Ketika perkahwinan kami baru memasuki tahun ke enam, kami dikurniakan dengan seorang anak perempuan berusia empat tahun. Kami inginkan seorang anak lagi – kalau